

TR: 15.8.1966

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA, MELALUI RADIO MALAYSIA.
PADA 31 OGOS, 1966.

Pada hari ini kita semua merayakan Ulang Tahun Yang Kesembilan Kemerdekaan Negara kita dan inilah satu hari yang tidak boleh dilupakan oleh rakyat negara ini. Hari ini ialah hari yang bersejarah sebab pada hari ini kita menyaksikan pertukaran suasana dan keadaan di negara kita, dari suasana yang muram disebabkan oleh konfrontasi telah menjadi suasana yang cerah dan bercahaya untuk kita hendak menghadapi bukan sahaja zaman keamanan dan ketenteraman, bahkan juga zaman pembangunan yang lebih giat dan sempurna lagi.

Sungguhpun pada masa kita menghadapi konfrontasi keazaman kita hendak melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan tidaklah kurang. Akan tetapi tidak dapat tiada dalam keadaan darurat dan peperangan kita tidak dapat menumpukan sepenuhnya usaha dalam lapangan pembangunan dan kita terpaksa mengutamakan usaha dan tenaga kita dalam lapangan pertahanan negara.

Tamatnya konfrontasi adalah bermakna yang kita sekarang ini boleh menumpukan masa dan tenaga dan usaha kita kepada lapangan yang berguna yang memberi sepenuh-penuh faedah kepada bangsa dan negara kita iaitu lapangan pembangunan, lapangan memberi taraf hidup yang lebih bahagia lagi kepada rakyat negara kita.

Pada masa kita menghadapi konfrontasi, dasar Kerajaan Perikatan tidak sedikit pun berubah - kita berdiri dengan tetapnya di atas kebenaran dan kejujuran yang setiap masa menunjukkan bahawa kita ingin kepada keamanan. Sungguhpun kita terpaksa mengambil langkah untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita, akan tetapi kita tidak membuat sesuatu perkara yang menunjukkan kita mempunyai cita-cita yang tidak baik ataupun niat hendak bermusuhan dengan mana-mana pihak. Kita

mengetahui, bahkan Allah s.w.t. pun mengetahui bahawa kita sedikit pun tidak membuat salah. Dengan sebab itulah kita yakin dan percaya, disebabkan kita sentiasa menurut jalan yang benar, kita sentiasa sabar dan jujur dan ikhlas, perkara-perkara yang kita buat itu adalah disertai oleh Allah s.w.t. maka akhirnya kita dapat menghapuskan segala perkara yang tidak baik itu dan sekarang kita telah berjaya mencapai keamanan, kemajuan dan kemakmuran iaitu cita-cita kita yang sebenar-benarnya.

Tuan-tuan dan puan-puan, marilah kita sebentar memandang kebelakang kepada hari Kemerdekaan Negara kita yang pertama iaitu 31 Ogos, 1957. Marilah kita berhenti sebentar dan memikir serta merenung kepada keadaan negara kita pada tahun 1957 dan bandingkan dengan keadaan negara kita yang ada pada hari ini iaitu 9 tahun semenjak kita mencapai kemerdekaan. Tidak dapat tiada, kita nampak dengan terang dan jelas kemajuan yang besar telah kita capai, baik di bandar mahupun di kampung. Keadaan hidup rakyat telah bertambah maju dan bertambah baik. Kita telah mempunyai peluang-peluang yang lebih luas dalam lapangan-lapangan pelajaran, kesihatan, perhubungan dan pengangkutan. Kita telah mencapai perubahan-perubahan dan kemajuan dalam beratus-ratus perkara yang mana tidak ada pada kita 9 tahun dahulu.

Tuan-tuan dan puan-puan, kemajuan yang kita capai pada hari ini dan kemakmuran yang ada pada kita, bukanlah perkara yang timbul dengan tidak sengaja. Kita telah berjaya mencapai kemajuan-kemajuan ini disebabkan adanya kerjasama yang baik di antara Kerajaan dan rakyat dan disebabkan Kerajaan dan rakyat telah bersungguh-sungguh berusaha dan bertenaga untuk mencapai kejayaan dan kemajuan.

Bagi pihak Kerajaan, Kerajaan Perikatan telah mengadakan dasar yang sempurna, yang jujur dan ikhlas dan Kerajaan Perikatan telah menunjukkan teladan dan didikan yang baik. Dengan sebab itu Kerajaan Perikatan telah berjaya melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang disediakan itu dengan usaha dan tenaga yang penuh sehingga rancangan-rancangan itu telah mendatangkan hasil yang memuaskan hati. Begitu juga bagi pihak rakyat jelata negeri ini, tuan-tuan dan puan-puan, telah menghadapi dugaan yang hebat dalam lapangan kemajuan dan tuan-tuan dan puan dalam masa 5 tahun yang lalu telah menunjukkan taat setia

dan memberi kerjasama kepada Kerajaan bukan sahaja dengan perkataan bahkan dengan perbuatan-perbuatan. Maka dengan semangat kerjasama di antara Kerajaan dan rakyat, kita telah berjaya menjadikan Malaysia seperti yang ada pada hari ini, negara yang kita bangga dan sayangi. Dengan semangat ini saya harap kita akan bersama-sama menghadapi tahun 1976 iaitu 10 tahun daripada sekarang dan menggambarkan perkara-perkara yang akan berlaku pada masa itu. Dalam masa 10 tahun yang akan datang ini iaitu masa yang kita hadapi, sejarah negara yang belum kita tuliskan itu, mustahaklah kita menggunakan masa itu dengan sepenuhnya untuk hendak mencapai kemajuan dan kemakmuran yang sebenar-benarnya kita kehendaki. Mustahaklah kita mencurahkan segala usaha dan tenaga dengan sedaya upayanya untuk mencapai kemajuan bukan sahaja bagi diri kita tetapi juga bagi anak cucu keturunan kita.

Hari menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan ini hendaklah disifatkan sebagai hari kita membaharui keazaman bagi rakyat negeri ini untuk memperbaiki keadaan hidup bangsa. Tiap-tiap rakyat negeri ini mestilah bersungguh-sungguh bekerja membina bangsa dan negara kita.

Saya berharap dan berdoa ke hadrat Tuhan, mudah-mudahan negara kita Malaysia yang sedang memasuki ke zaman keamanan dan zaman kerjasama dengan negara-negara di Tenggara Asia, terutama sekali dengan negara Indonesia, akan mara ke hadapan dengan mendapat kemajuan-kemajuan yang lebih luas dan lebih sempurna lagi pada masa yang akan datang.

Terima kasih.